



Manfaat-manfaat yang dibayar adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan dan perlindungan untuk manfaat daripada bahagian unit adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Takaful Keluarga



Takaful ProInvest

Pembinaan Harta Berharga, Perlindungan Bermakna



Zurich Takaful Malaysia Berhad
No. Pendaftaran 200601012246 (731996-H)
Tingkat 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622 www.zurich.com.my



ZURICH | The trademarks depicted are registered in the name of
Zurich Insurance Company Ltd in many jurisdictions worldwide.


ZT0354/4/P/G/B/M

Pelaburan Hebat Hidup Selamat

Satu perkara yang sering diinginkan berkaitan perancangan buat diri adalah pertumbuhan. Dari membina kewangan anda sehingga meningkatkan tahap kesihatan anda, keadaan akan menjadi lebih bermakna dengan perancangan yang baik.

Dengan semangat inilah **Takaful ProInvest** direka – satu pelan Takaful Keluarga berkaitan pelaburan yang dirangka khusus untuk mengatasi ketidakpastian hidup serta mengoptimumkan jumlah pulangan anda. Yakinlah bahawa wang simpanan anda boleh menjana pulangan yang lebih tinggi dengan dana pelaburan patuh Syariah kami yang diurus profesional dengan matlamat untuk menawarkan keuntungan menarik dari dana tempatan dan asing.

Selain itu, Takaful ProInvest juga menawarkan perlindungan fleksibel serta komprehensif supaya anda boleh fokus dalam mencapai matlamat hidup tanpa kerisauan - sama ada bersara dengan selesa atau masa depan yang terjamin untuk keluarga anda.



MANFAAT & CIRI-CIRI PRODUK

Manfaat dan ciri-ciri produk kami menyediakan anda untuk kejadian yang tidak dijangka, agar anda dapat mencapai ketenangan jiwa sambil menikmati perkara yang anda ingini.



Perlindungan Tinggi sehingga 300% daripada Jumlah

Perlindungan Asas^{1*}

Kadangkala apa yang berlaku adalah di luar kawalan kita, namun dengan Takaful ProInvest, yakinlah bahawa keluarga anda boleh dilindungi dari segi kewangan sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini:

100% daripada Jumlah Perlindungan Asas + nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) akan dibayar	Kematian
200% daripada Jumlah Perlindungan Asas + nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) akan dibayar	Kematian Akibat Kemalangan Balik Kampung ²
300% daripada Jumlah Perlindungan Asas + nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) akan dibayar	Kematian Akibat Kemalangan Di Luar Negara ³

Nota:

¹ Hanya manfaat kematian yang tertinggi akan dibayar.

² Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi dalam tempoh 365 hari daripada tarikh kemalangan semasa Cuti Umum Kebangsaan Malaysia dan di mana-mana Lebuhraya Tol dalam operasi. Perlindungan manfaat ini adalah sehingga umur 75 tahun.

³ Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi dalam tempoh 365 hari daripada tarikh kemalangan semasa melancong ke luar negara dan tidak melebihi 90 hari berturut-turut untuk setiap perjalanan. Perlindungan manfaat ini adalah sehingga umur 75 tahun.



Perlindungan Hilang Upaya sehingga Kematangan Sijil*

Ada masanya, situasi buruk berlaku dalam hidup boleh membuatkan kita hampir berputus asa, tetapi ini tidak bermakna anda tidak boleh terus berdiri menempuh hari-hari mendatang. Takaful ProInvest menyediakan manfaat Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) sehingga umur 75 tahun serta manfaat Hilang Upaya Warga Emas (HUWE) yang memberi perlindungan hilang upaya tambahan sehingga umur 100 tahun. Sekiranya berlaku HUKK atau HUWE dan jika ia berterusan sekurang-kurangnya 6 bulan, 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan nilai APP akan dibayar.



Note: Gambar rajah ini hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja.

* Manfaat kematian akibat kemalangan dan HUKK adalah tertakluk kepada had maksima RM10,000,000 seumur hidup manakala manfaat HUWE adalah tertakluk kepada had maksima RM2,000,000 seumur hidup.



Hak Istimewa Penjagaan Keluarga

Sudah semestinya anda mahukan yang terbaik untuk keluarga anda. Takaful ProInvest memberikan perlindungan sehingga 4 pasangan dan/atau anak anda yang sah dengan jumlah perlindungan sehingga 25% daripada Jumlah Perlindungan Asas tanpa taja jamin perubatan, tertakluk kepada RM300,000 Jumlah Perlindungan Asas bagi setiap hayat. Ini menjaminkan insan tersayang anda terus dilindungi pada masa hadapan. Tertakluk kepada terma dan syarat.



Fleksibiliti yang Menepati Keperluan Anda

Di Zurich, kami memahami setiap individu memerlukan keperluan yang berbeza. Oleh itu, kami memastikan Takaful ProInvest bersesuaian dengan anda. Anda mempunyai kebebasan untuk memilih tempoh perlindungan di antara 20 atau 30 tahun, atau sehingga umur 70, 80 atau 100 tahun. Tambahan pula, tempoh perlindungan anda akan disambung secara automatik* sehingga umur 100 tahun setelah tamat tempoh perlindungan asal (20 atau 30 tahun, atau sehingga umur 70 atau 80) tanpa taja jamin perubatan.

**Anda mungkin diperlukan untuk membuat caruman tambahan. Kami akan memaklumkan anda tentang penyambungan automatik ini dan sebarang caruman tambahan akan dimaklumkan secara bertulis sekurang-kurangnya 90 hari sebelum penyambungan automatik. Sila rujuk kepada muka surat 16 untuk maklumat lanjut.*

MANFAAT & CIRI-CIRI PRODUK



Meningkatkan Nilai Perlindungan

Mendapat ketenangan hati bukanlah sesuatu yang mudah, terutamanya semasa berlakunya kejadian yang diluar jangkaan. Oleh itu, anda boleh menambah nilai perlindungan dengan mana-mana pilihan manfaat tambahan seperti berikut bagi menjamin keselesaan hidup keluarga anda.

Pilihan Manfaat Tambahan	Butiran
<i>Family Benefit</i>	Apabila berlakunya kejadian yang tidak dijangka, RM2,000 akan dibayar kepada setiap ahli keluarga yang meninggal dunia (terdiri daripada seorang suami atau isteri yang sah dan mana-mana 4 orang anak)
<i>Payor Benefit</i>	Semua caruman asas yang akan datang akan dikecualikan sekiranya Peserta meninggal dunia, mengalami HUKK atau didiagnosis dengan salah satu Penyakit Kritikal tertentu.
<i>Payor Benefit on Regular Saver Contribution</i>	Semua T-Saver yang akan datang akan dikecualikan sekiranya Peserta meninggal dunia, mengalami HUKK atau didiagnosis dengan salah satu Penyakit Kritikal tertentu.
<i>Waiver of Contribution on Critical Illness</i>	Semua caruman berkala asas yang akan datang akan dikecualikan sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan salah satu Penyakit Kritikal tertentu.
<i>Waiver of Regular Saver Contribution on Critical Illness</i>	Semua T-Saver yang akan datang akan dikecualikan sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan salah satu Penyakit Kritikal tertentu.

Untuk maklumat lengkap mengenai pilihan manfaat tambahan, sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk dan Sijil Takaful.

Nota:

1. Semua manfaat adalah tertakluk kepada terma dan syarat.
2. Semua manfaat yang dibayar akan ditolak dengan sebarang tunggakan (jika ada).

PERLINDUNGAN YANG MENJANGKAUI

Bagi memberikan perlindungan yang komprehensif untuk kewangan anda, Takaful ProInvest menawarkan Manfaat Pampasan Kemalangan untuk perlindungan sehingga umur 75 tahun seperti yang disenaraikan di bawah:

Perkara	Manfaat	Butiran
(i)	Pampasan Kematian dan Kehilangan Anggota Akibat Kemalangan	<ul style="list-style-type: none">• Mempertingkatkan perlindungan akibat kemalangan yang menyebabkan kematian atau kehilangan fungsi badan.• Tertakluk kepada RM100,000 seumur hidup.
(ii)	Pampasan Mingguan	<ul style="list-style-type: none">• Pembayaran apabila anda tidak mampu untuk bekerja susulan dari kemalangan yang menyebabkan hilang upaya sementara keseluruhan atau separa.• Bayaran sehingga RM1,000 bagi tempoh maksimum 8 minggu bagi setiap kemalangan dan hanya boleh dituntut sebanyak 2 kali setiap tahun sijil.• Hilang upaya sementara keseluruhan: 1% daripada Manfaat Pampasan Kemalangan.• Hilang upaya separa: 0.5% daripada Manfaat Pampasan Kemalangan.
(iii)	Pampasan Hilang Upaya Kekal	<ul style="list-style-type: none">• Pembayaran apabila anda tidak mampu bekerja akibat hilang upaya kekal, keseluruhan dan berlanjut selama 90 hari dari tarikh kemalangan.• 10% daripada Manfaat Pampasan Kemalangan akan dibayar setiap tahun untuk maksimum selama 10 tahun.
(iv)	Bayaran Balik Perubatan Akibat Kemalangan	<ul style="list-style-type: none">• Anda akan dibayar balik untuk perbelanjaan rawatan perubatan dan pembedahan dari hospital atau klinik sehingga RM10,000 bagi setiap kemalangan dalam masa 104 minggu selepas kemalangan.
(v)	Pampasan Berganda	<ul style="list-style-type: none">• Manfaat di bawah perkara (i) dan (iii) akan berganda jika kecederaan akibat kemalangan dialami dalam Kenderaan Awam, di dalam lif atau kebakaran di dalam Bangunan Awam.

Nota:

1. Untuk mana-mana 1 kemalangan, hanya 1 manfaat daripada (i), (iii) atau (v) akan dibayar dan sebarang tuntutan yang dibuat untuk salah satu daripada 3 manfaat ini akan secara automatik tidak melayakkkan penerimaan manfaat yang lain.
2. Tuntutan di bawah (ii) dan (iv) boleh dibayar dengan syarat jumlah keseluruhan tuntutan yang dibayar untuk 1 kemalangan adalah tidak melebihi Manfaat Pampasan Kemalangan.
3. Semua manfaat adalah tertakluk kepada terma dan syarat.
4. Semua manfaat yang dibayar akan ditolak dengan sebarang tunggakan (jika ada).
5. Untuk maklumat penuh, sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk dan Sijil Takaful.

PERLINDUNGAN YANG MENJANGKAUI

(i) Pampasan Kematian dan Kehilangan Anggota Akibat Kemalangan

100% dari Manfaat Pampasan Kemalangan atau aman pampasan sebagai peratusan daripada Manfaat Pampasan Kemalangan akan dibayar sekiranya anda mengalami mana-mana kejadian berikut:

PAMPASAN KEMATIAN DAN KEHILANGAN ANGGOTA AKIBAT KEMALANGAN	% DARIPADA MANFAAT PAMPASAN KEMALANGAN
Kehilangan Nyawa	100%
Hilang daya penglihatan keseluruhan kekal kedua-dua belah mata	100%
Hilang daya penglihatan keseluruhan kekal sebelah mata	100%
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal dua anggota	100%
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal satu anggota	100%
Hilang daya pertuturan dan pendengaran	100%
Ketidaksiuman kekal dan tidak boleh sembuh	100%
Lumpuh keseluruhan	100%
Hilang daya pendengaran keseluruhan kekal <ul style="list-style-type: none"> • Kedua belah telinga • Sebelah telinga 	75%
Hilang daya pertuturan	25%
Hilang keseluruhan kekal lensa sebelah mata	50%
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal empat jari dan ibu jari daripada <ul style="list-style-type: none"> • tangan kanan • tangan kiri 	50%
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal empat jari daripada <ul style="list-style-type: none"> • tangan kanan • tangan kiri 	70%
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal satu ibu jari	30%
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal dua ibu jari <ul style="list-style-type: none"> • kedua-dua ruas kanan • satu ruas kanan • kedua-dua ruas kiri • satu ruas kiri 	40%
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal satu ibu jari	30%
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal dua ibu jari <ul style="list-style-type: none"> • kedua-dua ruas kanan • satu ruas kanan • kedua-dua ruas kiri • satu ruas kiri 	15%
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal dua ibu jari <ul style="list-style-type: none"> • kedua-dua ruas kanan • satu ruas kanan • kedua-dua ruas kiri • satu ruas kiri 	20%
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal dua ibu jari <ul style="list-style-type: none"> • kedua-dua ruas kanan • satu ruas kanan • kedua-dua ruas kiri • satu ruas kiri 	10%

PAMPASAN KEMATIAN DAN KEHILANGAN ANGGOTA AKIBAT KEMALANGAN	% DARIPADA MANFAAT PAMPASAN KEMALANGAN
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal jari <ul style="list-style-type: none"> • tiga ruas kanan • dua ruas kanan • satu ruas kanan • tiga ruas kiri • dua ruas kiri • satu ruas kiri 	10%
Hilang atau hilang daya guna keseluruhan kekal jari kaki <ul style="list-style-type: none"> • semua - satu kaki • kedua-dua ruas ibu jari kaki • satu ruas ibu jari kaki • mana-mana jari lain, setiap satu 	7.5%
Keretakan tulang kaki atau patela yang tidak mungkin bersambung kembali	5%
Kaki dipendekkan sekurang-kurangnya 5 sm	3%
	2%
	15%
	5%
	3%
	2%
	10%
	7.5%

Note: Hanya 1 daripada jumlah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pampasan, iaitu kehilangan yang terbesar, akan dibayar untuk kecederaan akibat mana-mana satu kemalangan.

KEMBANGKAN PELABURAN ANDA

Pilihan Tambah Nilai

Sedikit tambahan boleh membawa banyak perubahan, terutamanya yang mengenai pelaburan untuk masa depan. Tambah nilai Akaun Pelaburan anda secara berkala atau bila-bila masa, dengan pilihan T-Saver atau tambah nilai tidak berkala.

Kepelbagai Pelaburan

Takaful ProInvest menawarkan pelbagai jenis dana tempatan dan asing. Oleh itu anda boleh mengoptimumkan simpanan dan pelaburan anda dengan lebih baik dengan bantuan profesional.

Nama Dana	Butiran	Pengurus Dana / Pengurus Dana Asas
Dana Syariah Edge Zurich Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Dana ini bertujuan untuk mencapai peningkatan nilai modal yang konsisten dalam jangka panjang dengan pelaburan terutamanya dalam sekuriti patuh Syariah dengan prospek pertumbuhan yang baik - syarikat dengan pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi daripada purata pasaran. Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko tinggi. 	Kenanga Investors Berhad
Dana Syariah Global Edge Zurich Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan modal dalam jangka masa panjang dengan melabur dalam Dana Dagangan Bursa (ETF) yang menjelaki hasil pelaburan MSCI World Islamic Index. Terdiri daripada syarikat-syarikat negara maju yang patuh Syariah. Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko tinggi. 	BlackRock Asset Management Ireland
Dana Syariah Growth Zurich Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang. Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko tinggi. 	Principal Asset Management Berhad
Dana Syariah Income Zurich Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan tahap pulangan pendapatan yang stabil. Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko rendah hingga sederhana. 	Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd
Dana Syariah Balanced Zurich Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan pendapatan yang stabil dan potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang. Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko sederhana hingga tinggi. 	Principal Asset Management Berhad

Nama Dana	Butiran	Pengurus Dana / Pengurus Dana Asas
Dana Syariah Flexi Zurich Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Menjana potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang yang dapat dicapai melalui fleksibiliti dalam peruntukan aset. Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko sederhana hingga tinggi. 	Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd
Dana Syariah Growth 2 Zurich Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang. Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko tinggi. 	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad
Dana Syariah Income 2 Zurich Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan tahap pulangan pendapatan yang stabil. Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko rendah hingga sederhana. 	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad
Dana Syariah Balanced 2 Zurich Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Menyediakan pendapatan yang stabil dan potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang. Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko sederhana hingga tinggi. 	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad
Dana Syariah Flexi 2 Zurich Takaful	<ul style="list-style-type: none"> Menjana potensi peningkatan modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang yang dapat dicapai melalui fleksibiliti dalam peruntukan aset. Sesuai bagi pelabur yang mempunyai toleransi risiko sederhana hingga tinggi. 	Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

Nota: Untuk maklumat lanjut tentang objektif dana dan peruntukan aset, sila rujuk kepada penerbitan surat khabar atau layari www.zurich.com.my/FT/funds

BAGAIMANA TAKAFUL PROINVEST BERFUNGSI



Takaful ProInvest
dengan Jumlah Perlindungan
Asas sebanyak
RM200,000.

ADAM
berumur 40 tahun



Beliau memilih
tempoh perlindungan
sehingga berumur
80 tahun.



Adam menambah
pelan perlindungan
beliau dengan
manfaat tambahan
Family Benefit.



Manfaat tambahan
ini akan membayar
RM2,000 bagi setiap orang,
terdiri daripada 1 pasangan yang
sah dan 4 orang anak, sekiranya
mereka meninggal dunia.

Adam memilih dana
tempatan
dan asing yang
pelbagai untuk
mengoptimalkan
pulangan
pelaburannya.



Sehingga 4 pasangan dan anak-anak beliau yang
sah layak didaftarkan di bawah Hak Istimewa
Penjagaan Keluarga di mana mereka boleh
mendaftar untuk pelan baharu takaful keluarga
Zurich dengan Jumlah Perlindungan Asas
RM50,000 bagi setiap orang tanpa taja jamin
perubatan sekiranya beliau meninggal dunia.

Adam juga dilindungi dengan
Manfaat Pampasan Kematian dan
Kehilangan Anggota Akibat
Kemalangan di bawah Manfaat
Pampasan Kemalangan berjumlah
RM100,000.



Sekiranya Adam mengalami kemalangan sebelum berumur 75 tahun,
Manfaat Pampasan Kemalangan akan membayar:

- RM1,000 sehingga 8 minggu sebagai Pampasan Mingguan jika
beliau mengalami hilang upaya sementara.
- RM10,000 setiap tahun dengan maksimum 10 tahun sebagai
Pampasan Hilang Upaya Kekal sekiranya beliau mengalami hilang
upaya keseluruhan dan kekal.
- Pampasan Berganda sebanyak RM200,000 sekiranya beliau
meninggal dunia dalam kebakaran di dalam hotel.

Sekiranya Adam meninggal dunia semasa perjalanan
di luar negara, keluarganya akan menerima sebanyak
300% daripada Jumlah
Perlindungan Asas yang berjumlah **RM600,000**
dan nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) daripada Manfaat
Kematian Akibat Kemalangan Di Luar Negara.



Beliau dilindungi dengan
pelbagai manfaat seperti
kematian, Hilang Upaya
Keseluruhan dan Kekal
(HUKK) serta Hilang
Upaya Warga
Emas (HUWE).

Apabila sijil matang pada umur 80 tahun,
Adam bersetuju dan terus dilindungi sehingga
umur 100 tahun tanpa taja jamin perubatan
kerana sijil beliau akan disambung secara
automatik. Nilai APP akan dibawa ke hadapan
setelah penyambungan dibuat. Sekiranya Adam
tidak bersetuju untuk sambungan automatik,
beliau akan menerima nilai APP sebagai
manfaat kematangan.



MODEL WAKALAH

Zurich Takaful Malaysia Berhad beroperasi menggunakan model Wakalah di mana kami berperanan sebagai wakil kepada Peserta untuk menguruskan operasi perniagaan Takaful. Yuran Wakalah akan dikenakan terlebih dahulu daripada caruman yang dibuat. Tabarru'¹ (derma) akan dimasukkan ke dalam Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP)² di mana ia akan digunakan untuk sumbangan dan bantuan bersama, berdasarkan konsep Takaful. Manfaat yang dibayar daripada APRP hanya apabila berlaku sesuatu kejadian yang dilindungi, bukan setelah mencapai tempoh matang atau serahan sijil. Pada akhir tahun kewangan, jika ada lebihan dalam APRP, 50% daripada lebihan tersebut akan dibayar kepada Zurich Takaful Malaysia Berhad berdasarkan kontrak Ju'alah, dan baki 50% daripada lebihan tersebut akan dikongsi di antara Peserta sebagai Hibah (hadiyah) daripada APRP, dengan syarat Peserta tidak pernah membuat tuntutan atau tidak pernah menerima sebarang manfaat dalam Sijil ini semasa sijil masih berkuatkuasa. Keuntungan daripada pelaburan yang diperolehi daripada APP adalah TIDAK DIJAMIN dan bergantung kepada prestasi sebenar dana. Keuntungan pelaburan yang diperolehi daripada APP adalah kepunyaan Peserta dan Pengendali Takaful tidak terlibat dengan perkongsian pulangan ini.

¹ Tabarru' bermaksud derma dan merupakan jumlah yang dipersetujui oleh Peserta untuk disalurkan bagi tujuan membantu sesiapa yang menyertai Pelan Takaful dan untuk membayar Perlindungan Takaful.

² Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP) adalah akaun pegangan peserta di mana Tabarru' (derma) akan disalurkan dan digunakan untuk membantu Peserta lain yang menghadapi musibah.

YURAN WAKALAH & PERUNTUKAN CARUMAN

Tahun Sijil	Yuran Wakalah (% daripada Caruman Berkala Asas)	Kadar Peruntukan Caruman (% daripada Caruman Berkala Asas)
1 - 3	40	60
4 - 6	20	80
7 - 10	5	95
11 & seterusnya	0	100

Caruman yang diperuntukkan akan digunakan untuk membeli unit dalam pilihan dana anda yang diurus secara profesional. Yuran Wakalah bermaksud yuran yang dikenakan oleh Pengendali Takaful selaku ejen mengendalikan operasi perniagaan Takaful kepada Peserta.

SOALAN LAZIM

Apakah Takaful ProInvest?

Takaful ProInvest merupakan pelan berkaitan pelaburan dengan caruman berkala yang menawarkan manfaat kematian, Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK), Hilang Upaya Warga Emas (HUWE), Manfaat Pampasan Kemalangan serta manfaat kematangan. Anda mempunyai kebebasan untuk memilih tempoh perlindungan antara 20 atau 30 tahun, atau sehingga umur 70, 80 atau 100 tahun.

Siapakah yang layak menyertai Takaful ProInvest?

Umur penyertaan minimum untuk pelan ini adalah 16 tahun dan penyertaan maksimum adalah tertakluk kepada tempoh perlindungan yang anda pilih.

Apakah kaedah caruman yang tersedia untuk Takaful ProInvest?

Caruman boleh dibuat secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan.

Apakah pilihan tambah nilai yang tersedia di bawah Takaful ProInvest?

Berikut adalah pilihan tambah nilai yang tersedia untuk meningkatkan nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) anda:

- T-Saver – Tambah nilai berkala dari serendah RM10 sebulan
- Tambah Nilai Tidak Berkala – Bila-bila masa dengan minimum jumlah sebanyak RM500

Bagaimana Hak Istimewa Penjagaan Keluarga berfungsi?

Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, sehingga 4 pasangan dan/atau anak yang sah layak menyertai pelan takaful keluarga Zurich baharu dengan perlindungan sehingga 25% daripada Jumlah Perlindungan Asas, tertakluk kepada RM300,000 setiap hayat, tanpa taja jamin perubatan. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Adakah Takaful ProInvest mempunyai manfaat kematangan?

Ya. Apabila sijil mencapai kematangan pada akhir tempoh perlindungan asal atau umur 100 tahun, nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) akan dibayar sebagai manfaat kematangan.

SOALAN LAZIM

Bagaimanakah penyambungan secara automatik berfungsi?

Tempoh perlindungan anda akan disambung secara automatik sehingga umur 100 tahun setelah tamat tempoh perlindungan asal (20 atau 30 tahun, atau sehingga umur 70 atau 80) tanpa taja jamin perubatan. Kami akan memberitahu anda berkenaan penyambungan automatik tersebut, caruman tambahan yang diperlukan untuk tempoh yang dipanjangkan dan tindakan yang perlu diambil dengan memberi anda sekurangnya 90 hari notis sebelum penyambungan automatik. Sekiranya anda tidak ingin meneruskan penyambungan automatik tersebut, anda boleh memaklumkan kepada kami secara bertulis sebelum tarikh matang. Sila rujuk kepada contoh berikut dengan pelbagai tempoh perlindungan asal:

Sekiranya Adam (umur 30, lelaki, bukan perokok, melabur dalam Dana Syariah Growth Zurich Takaful) telah mendaftar Takaful ProInvest dengan Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM200,000:

Tempoh Perlindungan Asal Terpilih	Jumlah Caruman Tahunan Asal (RM)	Jumlah Caruman Tahunan Selepas Penyambungan Secara Automatik sehingga Umur 100 Tahun (RM)
20 tahun	2,400	8,300
30 tahun	2,700	11,550
Sehingga umur 70 tahun	3,000	17,200
Sehingga umur 80 tahun	4,500	18,200
Sehingga umur 100 tahun	6,000	Tidak Berkenaan

Jumlah caruman yang dinyatakan di dalam jadual perbandingan adalah tidak dijamin dan mungkin berbeza ditentukan bergantung kepada anggaran kelestarian, yang akan dikira berdasarkan anggaran hasil masa hadapan ketika ianya dikira. Jumlah caruman yang diperlukan semasa tempoh yang dipanjangkan boleh berubah dari semasa ke semasa dan akan dinyatakan dalam penyata tahunan sekurang-kurangnya sekali bagi setiap 5 tahun.

Semua manfaat tambahan yang dilampirkan (jika ada) juga akan disambung sehingga tempoh maksimum yang ada tanpa taja jamin perubatan, kecuali jika ianya telah ditamatkan lebih awal pada atau sebelum tarikh matang. Untuk maklumat penuh mengenai penyambungan automatik ini, sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk.

	Butiran	Yuran dan Caj
Apakah yuran dan caj?	Yuran Wakalah Tabarru' Bulanan (Sumbangan) Yuran Pentadbiran Caj Serahan Caj Wakalah Bi Al-Istithmar (Caj Pengurusan Dana)	Yuran ini membolehkan kami membayar perbelanjaan mengurus perniagaan Takaful, termasuk upah kepada Perancang Kewangan kami. Kadar Tabarru' tidak sama dan berdasarkan umur, jantina, status merokok, Jumlah Perlindungan dan tertakluk kepada taja jamin untuk Orang Yang Dilindungi. RM12 sebulan Tahun sijil pertama: 10% daripada jumlah Caruman Berkala Asas yang dikumpulkan Tahun sijil ke-2: 5% daripada jumlah Caruman Berkala Asas yang dikumpulkan Tahun sijil ke-3 dan seterusnya: Tiada berkenaan 1% - 1.5% setahun pada nilai aset bersih dana, bergantung kepada pilihan dana anda.
Adakah penukaran dana dibenarkan? Apakah yuran penukaran dana yang dikenakan?		Ya, penukaran dana adalah dibenarkan. Untuk mengikut tahap toleransi risiko anda, anda boleh menukar dana pada bila-bila masa dan yuran penukaran dana adalah dikecualikan.
Adakah caruman yang dibuat untuk Takaful ProInvest layak menerima pelepasan cukai pendapatan?		Ya. Caruman yang dibuat layak menerima pelepasan cukai pendapatan di samping pelan takaful keluarga atau insurans hayat anda yang lain, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

Apakah yang tidak dilindungi oleh Takaful ProInvest?

Kejadian yang tidak dilindungi di bawah Takaful ProInvest disenaraikan seperti berikut. Sila ambil perhatian bahawa senarai ini adalah tidak menyeluruh dan anda disarankan merujuk kepada senarai menyeluruh yang terdapat dalam Lembaran Pendedahan Produk dan Sijil Takaful.

Manfaat Kematian

Manfaat Kematian tidak akan dibayar bagi kematian akibat membunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh permulaan Sijil Asas ini atau tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana terkemudian, sama ada Orang Yang Dilindungi waras atau tidak waras. Liabiliti kami adalah terhad kepada nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) pada tarikh kematian.

Manfaat Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal dan Manfaat Hilang Upaya Warga Emas

Sijil ini tidak melindungi sebarang hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sebahagian atau sepenuhnya, oleh kejadian berikut:

- Mencederakan diri sendiri semasa waras atau tidak waras; atau
- Perjalanan atau penerbangan di dalam apa-apa jenis pesawat kecuali di dalam penerbangan penumpang komersial yang berjadual.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Balik Kampung, Kemalangan Di Luar Negara dan Manfaat Pampasan Kemalangan

Sijil ini tidak melindungi sebarang kematian akibat kemalangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sebahagian atau sepenuhnya, oleh mana-mana kejadian berikut:

- Pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau melawan penangkapan; atau
- Hernia, piomaina atau jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku dengan dan melalui suatu luka atau kecederaan kemalangan).

- Sijil ini tidak akan memberi apa-apa manfaat daripada Akaun Pelaburan Risiko Peserta (APRP) sekiranya sijil diserahkan atau sijil matang.
- Peruntukan Aset daripada Dana Syariah Zurich Takaful boleh berubah-ubah, bergantung kepada pandangan Pengurus Dana dan di dalam keadaan pasaran yang kurang menguntungkan, yang mana ianya adalah untuk manfaat pertumbuhan modal dan memelihara potensi hasil pelaburan pemegang unit.
- Untuk maklumat lanjut tentang harga dana harian, objektif dana dan peruntukan aset, sila rujuk kepada penerbitan surat khabar atau layari www.zurich.com.my/FT/funds
- Sekiranya sijil dibatalkan dalam tempoh bertentang selama 15 hari dari tarikh penghantaran dokumen sijil anda, Zurich Takaful Malaysia Berhad akan memulangkan:
 - Yuran Wakalah; dan
 - APP (jika ada) yang dikira dengan rujukan kepada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya sebaik sahaja notis diterima oleh Zurich Takaful Malaysia Berhad; dan
 - Sebarang Tabarru', cukai (jika ada) dan Yuran Pentadbiran yang telah ditolak, selepas menolak sebarang perbelanjaan yang mungkin berlaku untuk pemeriksaan perubatan ke atas Orang Yang Dilindungi.
- Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini boleh memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan bahawa caruman yang dibuat di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu.
- Penyertaan di dalam pelan Takaful adalah komitmen jangka panjang dan anda dinasihatkan untuk tidak menyertainya dalam jangka masa yang pendek kerana kos permulaan yang tinggi.
- Pemberhentian seketika caruman adalah tidak dibenarkan dalam 4 tahun sijil yang pertama. Selepas 4 tahun sijil yang pertama, jika anda tidak membuat caruman pada waktunya, sijil ini mungkin akan luput apabila Tabarru' yang dikenakan adalah lebih tinggi daripada nilai APP.
- Anda diberi 31 hari dari Tarikh Perlu Mencarum untuk perlindungan terhadap kerugian yang berlaku. Dalam tempoh ini, perlindungan anda akan masih berkuat kuasa.
- Pengeluaran separa adalah tidak dibenarkan dalam 4 tahun sijil yang pertama.
- Jika sijil ini ditamatkan pada tahun-tahun awal, anda mungkin mendapat jumlah yang kurang daripada jumlah caruman yang dibuat.
- Brosur ini hanya mengandungi gambaran ringkas produk dan tidak menyeluruh. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai produk ini, anda disarankan membacanya bersama-sama dengan Risalah Pemasaran dan Lembaran Pendedahan Produk. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk mendapatkan penerangan terperinci mengenai manfaat, pengecualian, terma dan syaratnya. Anda juga boleh menghubungi salah seorang Perancang Kewangan kami untuk keterangan lanjut.
- Sekiranya seseorang Perancang Kewangan tidak lagi berkhidmat di bawah Zurich Takaful Malaysia Berhad, seorang Perancang Kewangan baharu akan dilantik oleh Zurich Takaful Malaysia Berhad bagi memastikan anda menerima perkhidmatan yang berterusan.
- Semua yuran dan caj termasuk Tabarru' untuk pelan ini tidak dijamin dan Zurich Takaful Malaysia Berhad berhak untuk mengkaji semula yuran dan caj dengan memberi notis 3 bulan secara bertulis terlebih dahulu kepada Peserta.
- Semua caruman dan yuran yang tertera di dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai dan levi kerajaan yang lain.
- Maklumat yang terkandung dalam brosur ini boleh diubah tanpa notis terlebih dahulu.
- Sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau kekaburuan yang berpunca daripada terjemahan kepada Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

NOTA PENTING


- Zurich Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Zurich Takaful Malaysia Berhad diwajibkan mematuhi keperluan Syariah dan Pengawasan dengan ketat.
- Ini adalah produk Takaful dan direka seiring dengan prinsip Syariah.
- **Pelan ini merupakan pelan Takaful berkaitan pelaburan yang terikat kepada prestasi pendasar aset dan ianya bukan satu produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.**
- Sebelum melabur ke dalam Dana Berkaitan Pelaburan, anda perlu mengambil kira sama ada dana ini memenuhi objektif pelaburan dan tahap risiko anda.
